



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# **BERITA**

24 JAM

# **KPDN**

## **KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP)  |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 11 September 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



**ROSMAH** menunjukkan minyak masak paket yang dijual di kedai runcit miliknya di Pekan Kahang, Kluang.

## Dakwa beli bekalan minyak paket RM2.80

**KLUANG** – Seorang peniaga di sebuah kedai di pekan Kahang di sini, mendakwa, terpaksa menjual minyak masak paket 1 kilogram (kg) bersubsidi pada harga RM3 berbanding harga jualan ditetapkan RM2.50.

Menurut peniaga yang mahu dikenali sebagai Rosmah, 50, dia berbuat demikian kerana menerima bekalan pada harga RM2.80 sepaket dari sebuah kedai kira-kira lima kilometer dari kedainya.

Katanya, bekalan minyak masak paket ini hanya diterima seminggu sekali dalam kuantiti antara satu hingga dua kotak sahaja dan dijual kepada 15 orang pelanggan.

Kata Rosmah, keadaan ini berlaku sejak awal tahun ini apabila masalah kekurangan bekalan minyak itu berlaku.

Katanya, dengan harga itu mereka hanya memperolehi 20 sen keuntungan bagi setiap paket dan ia sekadar cukup untuk menampung harga minyak petrol bagi mendapatkan bahan itu.

"Kami belum lagi men-

jualnya menggunakan aplikasi eCoss seperti diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Johor kerana ia terhad kepada penduduk kampung mereka tiada aplikasi.

"Bagaimanapun, jumlah bekalan diterima itu hanya bertahan satu atau dua hari dan terpaksa menunggu bekalan baharu minggu berikutnya jika ada penghantaran, jika tidak maka kami akan terputus bekalan," katanya di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi peniaga yang hanya memperkenalkan diri sebagai Wahid, 40, berkata, secara lazimnya bekalan diterima tidak mencukupi apabila dihantar pembekal dalam kuantiti terhad.

Ujarnya, kebiasaan mereka akan membuat pesanan antara 20 hingga 30 kotak, namun hanya akan dibekalkan sekitar tiga hingga empat kotak sahaja.

"Jika dapat empat kotak, bermakna hanya ada 60 paket dan dijual maksimum dua paket untuk satu keluarga, sudah tentu tidak cukup," ujarnya.

## Peniaga merungut minyak masak tidak cukup

**KLUANG:** Peniaga kedai runcit sekitar Kahang di sini berhadapan masalah bekalan minyak masak paket bersubsidi apabila mereka hanya menerima sekotak untuk seminggu yang terhad bagi jualan kepada 15 pelanggan sahaja.

Peniaga Rosmah Mohd, 50, berkata, keadaan itu berlaku sejak kebelakangan ini apabila dia terpaksa menghadkan jualan kepada satu paket bagi setiap pelanggan.

Katanya, malah dia menerima aduan daripada pelanggan lain apabila terdapat peniaga mengambil kesempatan menjual minyak satu kilogram itu pada RM3 sepeket berbanding harga sepatutnya ditetapkan iaitu RM2.50.

"Dengan harga itu, mereka hanya dapat untung sekitar 20 sen bagi setiap paket dan ia sekadar cukup untuk menampung kos minyak kereta ke pekan Kahang sejauh kira-kira lima kilometer untuk mengambil bekalan.

"Kami juga tidak berupaya menjualnya menggunakan aplikasi eCoss seperti diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor kerana ia terhad kepada penduduk kampung yang tiada kemudahan telefon bimbit.

"Jumlah bekalan diterima itu hanya bertahan satu atau dua hari dan terpaksa menunggu bekalan baharu minggu berikutnya jika ada penghantaran, jika tidak maka kami akan terputus bekalan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Wahid, 40, berkata, secara lazimnya bekalan diterima tidak mencukupi apabila dihantar pembekal dalam kuantiti yang amat terhad.

Ujarnya, mereka sebelum ini membuat pesanan antara 20 hingga 30 kotak namun hanya akan dibekalkan sekitar tiga hingga empat kotak sahaja.

# Insurans rahmah untuk M40, T20

Ahli Parlimen Bayan Baru buat cadangan atasi kesesakan hospital kerajaan

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN** dan **NURUL HIDAYAH HAMID**  
**SHAH ALAM**

**K**erajaan dicadang mewujudkan insurans perubahan rahmah atau pada kadar harga berpatutan bagi menangani pertambahan jumlah pesakit golongan berpendapatan tinggi di hospital kerajaan akibat kenaikan premium insurans perubahan serta kos rawatan yang mahal di hospital swasta.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, insurans itu boleh menjadi alternatif kepada rakyat berpendapatan tinggi dan sederhana untuk membeli polisi ditawarkan.

Melalui kaedah itu katanya, kesesakan di hospital kerajaan dapat dikurangkan kerana pemegang polisi insurans rahmah boleh mendapatkan rawatan di pusat kesihatan swasta.

"Saya cadangkan kita adakan satu insurans rahmah bagi membantu rakyat yang ingin membeli insurans. Maksudnya dia dapat beli dengan harga berpatutan untuk perlindungan tertentu (pilihan)."

"Usaha ini boleh menarik minat golongan T20 dan M40 mem-



Semakin ramai golongan berpendapatan tinggi kini mendapatkan rawatan di hospital kerajaan disebabkan premium insurans yang tinggi.

beli untuk ahli keluarga atau mana-mana syarikat yang ingin membeli polisi ini untuk pekerja mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah yang boleh diambil bagi menangani peningkatan jumlah pesakit di hospital kerajaan susulan kebanyakan golongan berpendapatan tinggi kini beralih kepada sektor perubatan awam.



**SIM TZE TZIN**

**M**enteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad sebelum ini berkata, golongan T20 dan M40 kini semakin ramai mendapatkan rawatan di hospital awam berikutan peningkatan kos rawatan swasta dan premium insurans yang kian membebankan.

Menurut Dzulkefly, walaupun sebelum ini kumpulan berpendapatan sederhana dan tinggi lebih banyak mendapatkan rawatan di hospital swasta melalui insurans atau bayaran sen-

diri, namun trend itu kini berubah apabila sebahagian daripada mereka memilih hospital awam, khususnya dalam kes kecemasan atau rawatan susulan.

Sementara itu, ditanya mengenai tahap perkhidmatan di hospital kerajaan, Tze Tzin mengakui tidak berpuas hati terutama dalam aspek tempoh waktu menunggu yang panjang dan kesesakan.

Bagaimanapun katanya, masalah itu memerlukan masa untuk diselesaikan mengambil kira pertambahan jumlah pesakit yang semakin ketara terutama bagi penyakit tidak berjangkit.

"Kalau ditanya sekarang ini memang saya tidak berpuas hati dengan tempoh menunggu yang panjang, tahap kesesakan yang teruk tetapi masalah ini tidak boleh selesai dalam tempoh satu atau dua bulan."

"Sekarang kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kesihatan memberi tumpuan untuk menaik taraf sistem kesihatan negara melalui peruntukan besar dalam belanjawan negara setiap tahun," katanya.

Pada Jun 2023, Kementerian

## ANGGARAN KOS RAWATAN DI HOSPITAL KERAJAAN & SWASTA

| JENIS PERKHIDMATAN               | HOSPITAL KERAJAAN                       | HOSPITAL SWASTA                    |
|----------------------------------|-----------------------------------------|------------------------------------|
| 1. Konsultasi pakar              | Percuma / RM5 - RM30 (bergantung jenis) | RM150 - RM400+ per sesi            |
| 2. Caj wad                       | RM3 - RM300 (bergantung kelas)          | RM100 - RM1,000 (bergantung kelas) |
| 3. Pembedahan jantung (bypass)   | RM3,000 - RM5,000                       | RM35,000 - RM80,000                |
| 4. Pembedahan katarak (mata)     | RM 50 - RM1,500                         | RM3,500 - RM8,000                  |
| 5. Pembedahan apendiks           | RM30 - RM1,500                          | RM6,000 - RM15,000                 |
| 6. Pembedahan hernia             | RM100 - RM2,500                         | RM5,000 - RM12,000                 |
| 7. Pembedahan tulang (ortopedik) | RM500 - RM4,000                         | RM15,000 - RM50,000                |
| 8. Pembedahan Caesarean          | RM100 - RM3,500                         | RM8,000 - RM20,000                 |

### Kadar premium insurans kesihatan

Bayaran bulanan bergantung kepada:

1. **Jenis pelan** - sama ada pelan asas atau pelan komprehensif
2. **Umur pemegang polisi** - lebih tua, lebih tinggi premium
3. **Jumlah perlindungan** - had tahunan atau bilik hospital (single/double/ward)
4. **Kedudukan kesihatan** - sesetengah penyakit sedia ada boleh menaikkan premium atau mengecualikan perlindungan
5. **Syarikat insurans** - setiap syarikat menetapkan kadar berbeza

### Anggaran bulanan:

Insurans 'Rahmah' B40 (harga rendah): RM50 - RM150 sebulan (had tahunan RM20,000 - RM50,000)

**Pelan asas penghospitalan & pembedahan:** RM150 - RM300 sebulan

**Pelan komprehensif:** RM300 - RM1,000, bergantung jumlah perlindungan, umur, dan lain-lain

(Sumber: Portal Iuran)

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara memperkenalkan Pakej Rahmah Insurans dan Takaful meliputi perlindungan diri dan harta benda terutamanya golongan B40, dengan sumbangan bulanan serendah RM5 atau RM36 setahun.

Menteri ketika itu, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, syarikat Allianz General Insurance menawarkan Insurans PerlindunganKu Allianz4All dengan perlindungan kemalangan peribadi sehingga RM50,000.



↑芙蓉端姑查化医院推介爱心餐单，为全国第二家响应此计划的政府医院。

←傅芝雅（右三）移交Rahmah折扣卡给商家，右一起为森州国内贸易及生活费局局长莫哈末扎西尔及诺阿兹扎。

## 芙蓉端姑查化醫院

# 加入“愛心餐單”計劃

（芙蓉10日讯）芙蓉端姑查化医院加入“爱心餐单”计划，成为全国第二家加入此计划的医院，国内贸易及生活费部也放眼目标，希望此计划获得至少6家医院的响应。

副部长拿督傅芝雅为该医院餐厅的“爱心餐单计划”主持推介礼时指出，端姑查化医院作为森州主要的转诊中心，有1065张病床，平均每月接收5023名住院病患，并处理多达3万2665名门诊病患，是落实爱心餐单的重要据点。

### 傅芝雅吁更多医院效仿

她认为，将爱心餐单计划扩展至医院，不仅让病患家属、访客与医护人员都能享用实惠健康的餐食，也彰显政府在提升人民福祉方面的努力。

她也呼吁全国更多政府医院效仿，共同扩大爱心餐单的覆盖范围，确保不同群体都能受惠，他不忘感谢芙蓉端姑查化医院率先响应，成为推行计划的战略伙伴。



傅芝雅（左二）前往餐厅了解爱心餐单的食材。



淡边基督教卫理公会10月11日办身心健康分享会。左起曾育芳、朱瑞忠、罗益义、谢文德、张世杰、林丽真、陈润珠、涂淑敏及曾洁芳。

## 衛長：全面落實須呈內閣 分階擴大禁電子煙範圍

（吉隆坡10日讯）政府目前正采取行动，朝向全面禁止使用和销售电子烟措施前进，以遏制电子烟滥用。

卫生部长拿督斯里祖基菲里阿末指出，这

项措施将分阶段实施，从即开放式（open system）禁止，再扩大至所有种类的电子烟至所有产品。

祖基菲里周二在国会上议院，书面回答上议员

峇哈鲁丁阿末的问题时表示，政府已做好全面禁止使用和销售电子烟的准备。

“作为初期步骤，卫生部已和主要部门与局，即财政部、关税局、国内贸易及

生活成本部、内政部（警方）、投资、贸易及工业部，以及法律谘询局等等，进行详细的讨论。”

他说，研究结果与实施建议将会提呈内阁，以寻求政策上的同意，进而作为全面实施禁止电子烟政策的基础。

## 政府準備朝向全面禁電子煙

（吉隆坡10日讯）中央政府目前正采取行动，朝向全面禁止使用和销售电子烟措施的实施，以遏制电子烟滥用。

卫生部长拿督斯里祖基菲里阿末指出，中央政府已做好全面禁止使用和销售电子烟的准备。

他说，这项措施将分阶段实施，从即开放式（open system）禁止，再扩大至所有种类的电子烟至所有产品。

祖基菲里周二在国会上议院，针对伊斯兰党上议员峇哈

鲁丁阿末询问中央政府是否计划像一些州属般，全面禁止电子烟的问题，在书面答覆中这么指出。

“作为初期步骤，卫生部已和主要部门与局，即财政部、关税局、国内贸易及生活成本部、内政部（警方）、投资、贸易及工业部，以及法律谘询局等等，进行详细的讨论。”

他说，研究结果与实施建议将会提呈内阁，以寻求政策上的同意，进而作为我国全面实施禁止电子烟政策的基础。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR** **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Oleh Haris Fadli Mohd Fadzil dan Muhammad Aqif Azahari  
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**S**eorang wanita tempatan membayar ansuran bulanan sebuah apartmen studio lebih RM3,000 selepas dijanjikan pulangan sewa terjamin (GRR) dan perkongsian keuntungan boleh mencecah RM40,000 setahun.

Wanita itu antara 69 individu hadir membuat aduan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), di KL Sentral di sini, semalam selepas mendakwa terpedaya dengan taktik penipuan sebuah syarikat.

Pekerja swasta yang enggan dikenali itu berkata, kerana yakin dengan janji manis sebuah syarikat yang menawarkan pelaburan GRR, dia sanggup membeli sebuah kediaman berkeluasan 37.16 meter persegi pada harga hampir RM700,000.

"Syarikat berkenaan menjanjikan pulangan 7.5 peratus bagi pelaburan saya itu. Mereka dakwa rumah itu diuruskan sebuah hotel terkenal dan hotel itu mencari penyewa.

"Pelabur dijanjikan bayaran GRR setiap tiga bulan selama tiga tahun dan selepas itu perkongsian keuntungan mencecah RM40,000 setahun untuk tahun seterusnya.

"Tetapi pihak syarikat sering membuat pembayaran lewat dan hanya membuat bayaran apabila ditekan pelabur," katanya ketika sidang media di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di KL Sentral di sini.

Wanita berusia 30-an itu



HISHAMUDDIN (enam kiri) bersama 69 mangsa pembeli rumah menyerahkan aduan kepada pihak SSM untuk mendesak siasatan dijalankan terhadap skim GRR membabitkan kerugian di Lobi Pejabat SSM. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

**69 JADI MANGSA SKIM PULANGAN SEWA TERJAMIN**

# Beli rumah 700k, tapi tiada untung!

berkata, walaupun membayar ansuran bulanan, pemilik rumah terbabit tidak dibenarkan masuk ke hartanah yang terletak berhampiran kawasan perancangan di Genting Highlands, Pahang.

Katanya, akses hartanah terbabit diserahkan kepada

pihak syarikat hotel yang menguruskan premis berkenaan berdasarkan perjanjian ditandatangani mangsa dan syarikat GRR berkenaan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pertubuhan Masyarakat Antarabangsa Malaysia

(MHO) Datuk Hishamuddin Hashim berkata, perjanjian ditandatangani mangsa dan syarikat terbabit ibarat langkah *checkmate*.

Menurutnya, pemilik premis sendiri tiada akses kepada rumah dibayar menggunakan wang dari

poket mereka berikutan pihak syarikat culas dalam membayar pulangan kepada mangsa atas alasan mengalami kerugian.

"Syarikat memberikan janji dan jaminan membeli semula unit hartanah dibeli pelabur mengikut harga pasaran semasa harta-

nah terbabit.

"Peserta skim pelaburan ini, tidak terbabit sama sekali dengan proses pengurusan dan penyelenggaraan unit rumah dan pelabur hanya diperlukan untuk menikmati keuntungan pulangan sewa dijanjikan pihak syarikat.

"Seandainya, pihak syarikat berterus-terang dan tidak menggunakan pelbagai muslihat iklan yang sangat menarik untuk mengajak peserta membeli unit rumah di dalam projek dilaksanakan mereka, mangsa menyatakan mereka tidak menyertai skim pelaburan GRR ini," katanya.

Hishamuddin berkata, berdasarkan maklumat dan aduan diterima, pihaknya percaya konsep pelaburan ditawarkan itu memenuhi ciri sebuah skim kepentingan seperti diperuntukkan mengikut Seksyen 4 (2) Akta Skim Kepentingan 2016.

Berikutan itu, pihaknya mohon siasatan menyeluruh dijalankan pihak SSM dan menggesa tindakan segera dikenakan ke atas individu terbabit supaya tiada lagi yang menjadi mangsa.

Terdahulu media melaporkan, MHO menggesa pihak berwajib, khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SSM meniasa dakwaan mangsa pelaburan GRR.

Hishamuddin dilaporkan berkata, nilai pelaburan hartanah terbabit mencecah RM43.7 juta yang mendakwa tidak mendapat pulangan seperti dijanjikan, selain menanggung hutang daripada pembelian unit hartanah pelaburan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**

# Vape bakal diharam sepenuhnya

- KKM bendung salah guna produk peranti rokok elektronik
- Sudah berbincang bersama kementerian, jabatan utama lain

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**KUALA LUMPUR** – Penjualan rokok elektronik atau *vape* akan diharamkan sepenuhnya bagi membendung penyalahgunaan produk berkenaan dalam kalangan pengguna di negara ini.

Menjelaskan perkara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, tindakan tersebut akan dibuat secara berfasa bermula dengan pengharaman sistem terbuka sebelum diperluas kepada semua jenis *vape*.

Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan had masa yang ditetapkan bagi pelaksanaan



pengharaman sepenuhnya penjualan produk itu.

"Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mengadakan perbincangan terperinci bersama kementerian dan jabatan utama.

"Ia membabitkan Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia serta Pejabat Penasihat Undang-undang," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Baharuddin Ahmad mengenai

kesediaan kerajaan mengharuskan penjualan *vape* seperti dilaksanakan beberapa kerajaan negeri supaya kesihatan rakyat awam dapat terus dilindungi daripada penyakit memudaratkan.

Mengulas lanjut, Dr. Dzulkefly berkata, hasil penelitian dan cadangan pelaksanaan pengharaman itu akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Menurutnya, ia bagi mendapatkan persetujuan dasar, seterusnya menjadi asas kepada pelaksanaan pengharaman penuh rokok elektronik atau *vape* di negara ini.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Kuala Selangor itu memaklumkan bahawa KKM juga menyokong langkah enam kerajaan negeri iaitu Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Pahang yang membuat keputusan tidak mengeluarkan atau memperbaharui lesen penjualan *vape* melalui bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing.

"Ini adalah pendekatan proaktif seiring matlamat kesihatan awam negara," katanya.

**MENGHISAP *vape* boleh memudaratkan kesihatan penggunanya.**  
— GAMBAR HIASAN



# Penjualan vape akan diharam sepenuhnya

Namun Menteri Kesihatan belum perinci tarikh pelaksanaan

SHAH ALAM

**P**enjualan rokok elektronik atau vape akan diharamkan sepenuhnya oleh kerajaan sebagai langkah membanding penyalahgunaan produk berkenaan.

Kenyataan itu dibuat oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dalam jawapan bertulis di Dewan Negara.

Bagaimanapun beliau tidak memperincikan had masa ditetapkan bagi pelaksanaan pengharaman sepenuhnya penjualan produk tersebut.

Menurut Dr Dzulkefly, ia akan dibuat secara berperingkat bermula dengan pengharaman sistem terbuka sebelum diperluas kepada semua jenis vape sehingga meliputi keseluruhan produk.

Katanya, sebagai langkah awal Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mengadakan perbincangan terperinci bersama kementerian dan jabatan utama.

"Ini memabitkan Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri; Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia; Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri; Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia serta Pejabat Penasihat Undang-Undang.



DR DZULKEFLY

"Hasil penelitian dan cadangan pelaksanaan pengharaman akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri bagi mendapatkan persetujuan dasar, seterusnya menjadi asas kepada pelaksanaan pengharaman penuh rokok elektronik atau vape di negara ini," katanya pada Rabu.

Beliau menjawab soalan Senator Baharuddin Ahmad mengenai kesediaan kerajaan mengharamkan penjualan vape seperti dilaksanakan beberapa kerajaan negeri supaya kesihatan rakyat awam dapat terus dilindungi daripada penyakit mudaratkan.

Tambah Dr Dzulkefly, KKM menyokong langkah kerajaan negeri seperti Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Pahang yang tidak mengeluarkan atau memperbaharui lesen penjualan

**STATUS PENJUALAN ROKOK ELEKTRONIK, VAPE DI NEGERI-NEGERI (SETAKAT OGOS 2025)**

**Diharamkan / Larangan kekal:**

- Johor (Januari 2018)
- Kelantan (Januari 2018)
- Pahang (Jun 2025)
- Perlis (Ogos 2025)
- Terengganu (Ogos 2025)

**Dalam proses / pertimbangan / perbincangan:**

- Kedah
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Melaka
- Pulau Pinang

**Tiada larangan rasmi:**

- Perak
- Sabah
- Sarawak
- Wilayah Persekutuan (Putrajaya, Kuala Lumpur, Labuan)

**(Masih membenarkan penjualan di bawah kawal selia kerajaan Persekutuan menerusi Akta 852)**

**Akta 852:** Akta Kawalan Produk Merokok Dan Kesihatan Awaam 2024

**CADANGAN PENGHARAMAN PENUH**

KKM sedang teliti langkah pengharaman sepenuhnya penggunaan dan penjualan rokok elektronik / vape.

Akta 852 ialah akta kawal selia dan tidak menyentuh soal pengharaman. Jika pengharaman mahu dilaksanakan, ia perlu berdasarkan cadangan baharu.

— Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

**CADANGAN PENGHARAMAN PENUH AKAN AMBIL KIRA FAKTOR:**

- Bukti saintifik
- Kes EVALI (kecederaan paru-paru dikaitkan dengan penggunaan rokok elektronik / vape)
- Aspek perundangan
- Implikasi terhadap industri dan ekonomi
- Keberkesanan penguatkuasaan

Disebarkan: 7 Ogos 2025  
info@ppk.sinarharian.com

vape melalui bidang kuasa pihak berkuasa tempatan masing-masing.

"Ini adalah pendekatan proaktif seiring matlamat kesihatan awam negara," ujar beliau.

在德古路停車場

## 明昌明慈憫流動市集

**国**内贸易及生活费部将于9月12日（星期五）早上9时至下午4时，在诗巫德古路第21巷，德古国家信息传播中心（NADI TEKU）前的停车场举办“昌明慈憫流动市集”。诗巫民众受促把握机会，前往现场选购价廉物美的日常用品。

“昌明慈憫促销计划”是大马政府协助人民应对生活成本上升的福利措施，旨在通过流动售卖方式，以更实惠的价格提供日常用品。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**

# BERITA ONLINE BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2025

| TARIKH | TAJUK                                                                      | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                    | MEDIA            |
|--------|----------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 11-Sep | Harga Telur Ayam Meningkat Selepas Pemansuhan Subsidi dan Harga Siling     | <a href="https://sabahmedia.com/2025/09/10/harga-telur-ayam-meningkat-selepas-pemansuhan-subsidi-dan-harga-siling/">https://sabahmedia.com/2025/09/10/harga-telur-ayam-meningkat-selepas-pemansuhan-subsidi-dan-harga-siling/</a>                         | SABAH MEDIA      |
| 11-Sep | Jualan Ehsan Rahmah di tujuh lokasi hari ini, tawar 12 barangan asas murah | <a href="https://mediaselangor.com/ms/2025/09/319991/jualan-ehsan-rahmah-di-tujuh-lokasi-hari-ini-tawar-12-barangan-asas-murah">https://mediaselangor.com/ms/2025/09/319991/jualan-ehsan-rahmah-di-tujuh-lokasi-hari-ini-tawar-12-barangan-asas-murah</a> | MEDIA SELANGOR   |
| 11-Sep | Kerajaan bakal haramkan sepenuhnya penjualan rokok elektronik, vape        | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262334/kerajaan-bakal-haramkan-sepenuhnya-penjualan-rokok-elektronik-vape">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1262334/kerajaan-bakal-haramkan-sepenuhnya-penjualan-rokok-elektronik-vape</a> | HARIAN METRO     |
| 11-Sep | Kerajaan bakal haramkan sepenuhnya penjualan rokok elektronik, vape        | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-bakal-haramkan-sepenuhnya-penjualan-rokok-elektronik-vape/">https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-bakal-haramkan-sepenuhnya-penjualan-rokok-elektronik-vape/</a>                               | TV3              |
| 11-Sep | Vape bakal diharamkan sepenuhnya – Dr. Zulkefly                            | <a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/10/penjualan-vape-bakal-diharamkan-sepenuhnya-drzulkefly/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/10/penjualan-vape-bakal-diharamkan-sepenuhnya-drzulkefly/</a>                                                       | KOSMO            |
| 11-Sep | Penjualan vape akan diharamkan sepenuhnya – Dr Dzulkefly                   | <a href="https://malaysiatribune.news/berita-semasa/penjualan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya/">https://malaysiatribune.news/berita-semasa/penjualan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya/</a>                                                                 | MALAYSIA TRIBUNE |
| 11-Sep | Penjualan vape akan diharamkan sepenuhnya - Dzulkefly                      | <a href="https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1444395/penjualan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya-dzulkefly">https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1444395/penjualan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya-dzulkefly</a>               | BERITA HARIAN    |
| 11-Sep | Penjualan, penggunaan vape akan diharamkan sepenuhnya                      | <a href="https://utusan.com/2025/09/10/penjualan-penggunaan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya/">https://utusan.com/2025/09/10/penjualan-penggunaan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya/</a>                                                                     | UTUSAN           |

|        |                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                     |
|--------|------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 11-Sep | 芙蓉姑查化医院 加入爱心餐单计划                                                                   | <a href="https://sembilan.sinchew.com.my/news/20250910/sembilan/6853009">https://sembilan.sinchew.com.my/news/20250910/sembilan/6853009</a>                                                                                                                                                                 | SIN CHEW            |
| 11-Sep | KPDN periksa premis makanan didakwa guna sijil halal bukan milik sendiri           | <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/10/kpdn-periksa-premis-makanan-didakwa-guna-sijil-halal-bukan-milik-sendiri">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/10/kpdn-periksa-premis-makanan-didakwa-guna-sijil-halal-bukan-milik-sendiri</a> | FREE MALAYSIA TODAY |
| 11-Sep | Dua premis makanan disiasat kerana isu penggunaan sijil halal                      | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/dua-premis-makanan-disiasat-kerana-isu-penggunaan-sijil-halal/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/dua-premis-makanan-disiasat-kerana-isu-penggunaan-sijil-halal/</a>                                                                           | UTUSAN              |
| 11-Sep | Dua kedai makan di Pulau Pinang disiasat isu video tular sijil halal               | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/747443/berita/semasa/dua-kedai-makan-di-pulau-pinang-disiasat-isu-video-tular-sijil-halal">https://www.sinarharian.com.my/article/747443/berita/semasa/dua-kedai-makan-di-pulau-pinang-disiasat-isu-video-tular-sijil-halal</a>                             | SINAR HARIAN        |
| 11-Sep | Authorities find no halal certificate, logo displayed at food stall in viral video | <a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1273250/authorities-find-no-halal-certificate-logo-displayed-food-stall-viral">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1273250/authorities-find-no-halal-certificate-logo-displayed-food-stall-viral</a>                                             | NST                 |
| 11-Sep | Penang KPDN probes eatery over halal certificate issue                             | <a href="https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-probes-eatery-over-halal-certificate-issue-BK14871404">https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-probes-eatery-over-halal-certificate-issue-BK14871404</a>                                                                                           | THE SUN             |
| 11-Sep | Penang KPDN probes eatery over halal certificate issue                             | <a href="https://malaysiacorner.com/story/penang-kpdn-probes-eatery-over-halal-certificate-issue/r98567278">https://malaysiacorner.com/story/penang-kpdn-probes-eatery-over-halal-certificate-issue/r98567278</a>                                                                                           | MALAYSIA CORNER     |
| 11-Sep | Jualan Rahmah Kasih Sayang Bergerak Bantu Kurangkan Kos Sara Hidup Penduduk Dalat  | <a href="https://malaysiaaktif.my/2025/09/jualan-rahmah-kasih-sayang-bergerak-bantu-kurangkan-kos-sara-hidup-penduduk-dalat/">https://malaysiaaktif.my/2025/09/jualan-rahmah-kasih-sayang-bergerak-bantu-kurangkan-kos-sara-hidup-penduduk-dalat/</a>                                                       | MALAYSIA AKTIF      |
| 11-Sep | Dua lelaki cuba seleweng 320 liter petrol dicekup                                  | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/747400/berita/semasa/dua-lelaki-cuba-seleweng-320-liter-petrol-ke-negara-jiran-dicekup">https://www.sinarharian.com.my/article/747400/berita/semasa/dua-lelaki-cuba-seleweng-320-liter-petrol-ke-negara-jiran-dicekup</a>                                   | SINAR HARIAN        |

|        |                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                            |                   |
|--------|-------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 11-Sep | Penjualan vape akan diha-<br>ramkan sepenuhnya – Men-<br>teri Kesihatan | <a href="https://themerdekaitimes.com/news/2025/09/penjualan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya-menteri-">https://<br/>themerdekaitimes.com/<br/>news/2025/09/penjualan-<br/>vape-akan-diharamkan-<br/>sepenuhnya-menteri-</a>                                                | THE MERDEKA TIMES |
| 11-Sep | Penjualan vape akan diha-<br>ramkan sepenuhnya – Dr<br>Dzulkefly        | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/747393/berita/nasional/penjualan-vape-akan-diharamkan-sepenuhnya-ndash-dr-">https://<br/>www.sinarharian.com.my/<br/>article/747393/berita/<br/>nasional/penjualan-vape-<br/>akan-diharamkan-<br/>sepenuhnya-ndash-dr-</a> | SINAR HARIAN      |